

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA

TARIKH: 09.12.2022 MASA: 10.40am

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS APRESIASI ANUGERAH PENGURUSAN
DEWAN KOMUNITI TERBAIK MBSP TAHUN 2022

TARIKH / MASA / TEMPAT
10 DISEMBER 2022 (SABTU)
9.15 PAGI

**AUDITORIUM MBSP
MENARA BANDARAYA
BANDAR PERDA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Marilah sama-sama kita merafakkan rasa kesyukuran kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenanNya kita dapat berkumpul dalam Majlis Apresiasi Anugerah Pengurusan Dewan Komuniti Terbaik MBSP Tahun 2022 di Auditorium MBSP, Menara Bandaraya, Bandar Perda.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih Ahli-Ahli Majlis MBSP, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, Para Panel Penilai / Juri, Pengurus-Pengurus Dewan Komuniti, rakan-rakan media, dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi hari Sabtu ini.

Saya juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Jabatan Kemasyarakatan yang berjaya menganjurkan program ini. Sesungguhnya program ini merupakan salah satu usaha pengurusan MBSP untuk merapatkan hubungan MBSP dengan pengurus-pengurus dewan komuniti seperti Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Persatuan

Penduduk (RA), Rukun Tetangga (KRT), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Badan Pengurusan Surau dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MBSP telah mensyaratkan kepada pemaju-pemaju perumahan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan awam seperti dewan komuniti semasa proses perancangan lagi. Setelah siap sesuatu projek perumahan, dewan komuniti yang dibina akan diserah milik kepada MBSP untuk tujuan pengurusan dan penyelenggaraan. Asas MBSP mensyaratkan pemaju untuk membina dewan komuniti adalah bertujuan menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sosial untuk komuniti tempatan seperti berikut:-

- a) Pusat pentadbiran organisasi;
- b) Melaksanakan aktiviti-aktiviti organisasi seperti mesyuarat / perbincangan / dialog dan pusat rondaan keselamatan;
- c) Menjalankan aktiviti bersukan seperti senaman aerobik dan tarian, pusat kecergasan atau riadah,

- d) Berfungsi sebagai pusat sumber / pendidikan seperti perpustakaan mini / tadika / tabika / kelas tuisyen / kelas memasak;
- e) Sebagai tempat menjalankan aktiviti / majlis keraian dan sambutan seperti lawatan / jamuan / kenduri; dan
- f) Menjadi pusat aktiviti kitar semula.

Setelah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Penuh MBSP, hak pengurusan dewan komuniti yang kosong ditawarkan kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Persatuan Penduduk (RA), Rukun Tetangga (KRT), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Badan Pengurusan Surau, atau Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Permohonan yang diluluskan oleh Majlis Penuh MBSP akan diberi hak pengurusan dewan komuniti selama tempoh dua (2) tahun dengan mengenakan bayaran hak pengurusan dan deposit sebanyak RM 100.00 (yakni bersamaan bayaran gantian cukai tanah terkini).

Secara keseluruhannya terdapat sebanyak 300 unit dewan komuniti di seluruh Seberang Perai iaitu 83 di Daerah Seberang Perai Utara, 131 di Daerah Seberang Perai Tengah dan 86 di Daerah Seberang Perai Selatan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Kriteria penilaian Anugerah Pengurusan Dewan Komuniti Terbaik Tahun 2022 merangkumi aspek-aspek pengurusan dewan komuniti; penjagaan kebersihan dan keindahan keseluruhan, pengamalan pengasingan sisa di punca (kitar semula); pengurangan sisa ke Tapak Pelupusan Sampah selain kitar semula (*Waste Reduction From Going To Landfill Except Recycling*); dan inovasi serta kreativiti. Dalam aspek bahagian Pengurusan Dewan, perhatian khas diberikan kepada pengurus dewan yang telah menjelaskan bayaran-bayaran bil bekalan letrik, bil bekalan air dan bil IWK di samping menggunakan dewan komuniti dalam tempoh perjanjian hak pengurusan. Penggunaan dewan selepas tamat tempoh perjanjian dan tanpa atau lambat mengemukakan permohonan sambungan bermakna menggunakan dewan komuniti tanpa kelulusan MBSP. Ianya menjadi tanggungjawab pengurusan dewan sebagaimana yang termaktub di dalam perjanjian.

Program Anugerah Pengurusan Dewan Komuniti Terbaik adalah pertama kali diadakan bermula pada tahun ini di bawah penyelarasan Jabatan Kemasyarakatan MBSP. Daripada 300 dewan komuniti di Seberang Perai, sebanyak 12 pengurus dewan komuniti telah mengambil bahagian dalam Anugerah Pengurusan Dewan Komuniti Terbaik tahun ini.

Adalah diharapkan, penyertaan akan dapat ditingkatkan sepenuhnya oleh semua pengurus dewan pada tahun-tahun akan datang. Antara matlamat atau objektif program adalah untuk memupuk kesedaran penjagaan aset, budaya penyenggaraan dan menghargai dewan komuniti MBSP sebagai aset MBSP; menggalakkan persaingan sihat antara pengurus dewan komuniti dalam pengurusan dan seliaan dewan; dan menjadikan pengurus dewan komuniti terbaik sebagai *benchmark* untuk dicontohi oleh pengurus dewan komuniti lain.

Sebagai makluman, MBSP membelanjakan sejumlah RM1,069,142.72 pada tahun 2022 untuk kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan dewan komuniti milik MBSP di seluruh Seberang Perai. Dengan adanya kerjasama di antara MBSP dan pengurus dewan komuniti dalam pengurusan dewan-dewan komuniti ini, adalah diharapkan kos pembaikan dan penyelenggaraan dapat dikurangkan.

Para panel penilai / juri telah turun padang di lapangan selama dua (2) hari untuk sesi penilaian / penjurian. Panel penilai / juri terdiri dari pegawai-pegawai Jabatan Kejuruteraan MBSP, Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) MBSP, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MBSP dan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Sekali lagi, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pengurus dewan yang menjayakan Majlis Apresiasi Anugerah Pengurusan Dewan Komuniti Terbaik Tahun 2020 pagi ini dan berharap pihak pengurus dewan dapat mengurus dan menjaga dewan komuniti MBSP dengan sebaik-baiknya.

Tahniah dan Syabas kepada pemenang Anugerah Pengurus Dewan Komuniti Terbaik yang akan diumumkan sebentar lagi. Bagi yang tidak berjaya, jangan putus asa, walaupun tidak berjaya menjadi Johan tetapi sebenarnya anda semua telah berjaya menunjukkan komitmen yang tinggi dan mendalami kriteria atau konsep pengurusan dewan komuniti yang cemerlang dengan penerapan amalan-amalan hijau. Saya berharap ianya dapat memberi inspirasi kepada semua untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Hijau.

“DEWAN KOMUNITI DEWAN KITA”

Akhir kata, marilah kita bersama-sama membantu MBSP untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami dan menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar dan terlibat secara aktif dalam menjayakan aktiviti kitar semula dan mengamalkan ***MBSP Smart Consumption Model: 8R*** (*Rethink, Refuse, Reduce, Re use, Recycle, Recovery, Regift and Repair*).

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima Kasih.